

# Buletin Pendaftaran

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



EDISI  
JAN - MAC  
2020

#kitaUiTM

Pejabat Pendaftaran  
Aras 3, Canseleri Tuanku  
Syed Sirajuddin,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor



**PERTANDINGAN  
TENPIN BOLLING**  
PEJABAT PENDAFTAR UiTM  
TAHUN 2020

Sesi Penyerahan Sasaran  
Petunjuk Prestasi UiTM Bagi  
Tahun 2020 Kepada Fakulti  
dan UiTM Cawangan

Penglibatan BPD Dalam  
Taskforce Perjawatan,  
Pengambilan dan Kenaikan  
Pangkat Serta Inisiatif  
Universiti Awam

Naziran Pelaksanaan dan  
Mesyuarat Bersama MBJ

Kursus Kumpulan Inovatif dan  
Kreatif (KIK) Pejabat Pendaftar

Bengkel Perancangan  
Strategik Pejabat Pendaftar

Program **VCO@BPD**

Bengkel Strategi Via Sinergi@BPD  
Tahun 2020 : UiTM 2025

Bengkel Kumpulan Inovatif  
dan Kreatif (KIK)  
Pejabat Pendaftar

Kursus Literasi ICT@BPD Siri 1

# Selamat Tahun Baharu 2020

UiTM *di hatiku*

# PERTANDINGAN TENPIN BOLING PEJABAT PENDAFTAR UiTM TAHUN 2020




Alam Lanes AEON Mall Shah Alam, 11 Januari 2020 - Seramai 21 pasukan terdiri daripada warga Pejabat Pendaftar telah menyertai program ini. Tenpin Boling merupakan salah satu aktiviti sukan teras yang dipertandingkan setiap tahun dalam acara Sukan Antara Staf Shah Alam (SASSA). Oleh yang demikian, Kelab Pejabat Pendaftar telah menganjurkan pertandingan ini sebagai platform untuk mencungkil bakat-bakat yang berpotensi. Selain itu, ianya bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan memupuk semangat kesukanan di kalangan warga Pejabat Pendaftar. Aktiviti ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dan menyulam perasaan saling hormat menghormati di kalangan warga Pejabat Pendaftar.





# CORETAN AKTIVITI BOWLING



## SESI PENYERAHAN SASARAN PETUNJUK PRESTASI UiTM BAGI TAHUN 2020 KEPADA FAKULTI DAN UiTM CAWANGAN



Dewan Kualiah A, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Shah Alam, 20 hingga 21 Januari 2020 - Pejabat Pendaftar merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Dekan, Rektor dan Penyelaras Perancangan dan Maklumat Strategik atas kesudian menghadiri sesi ini.

## PENGLIBATAN BPD DALAM TASKFORCE PERJAWATAN, PENGAMBILAN DAN KENAIKAN PANGKAT SERTA INISIATIF UNIVERSITI AWAM



21 Jan 2020, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia - UiTM telah mengetuai sesi perbincangan bersama Universiti Awam yang terdiri daripada UMP, UMK, UniMAP, USIM, UPM, UKM, UniSZA, UNIMAS bagi memperincikan perkara-perkara berikut:

- Autonomi Pengurusan Sumber Manusia
- Panduan outfit keperluan staf
- Panduan kenaikan pangkat staf pentadbiran

## NAZIRAN PELAKSANAAN DAN PERJALANAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN DI PERINGKAT UiTM OLEH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

**Bilik Mesyuarat Sidang, Aras 3 Pejabat Pendaftar, 21 Januari 2020** - Sesi naziran telah dilaksanakan oleh tiga orang pegawai dari Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain menyemak pelaksanaan dan perjalanan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) di peringkat UiTM, sesi santai bersama Presiden dan Setiausaha Kesatuan/Persatuan Dalaman UiTM telah diadakan. Melalui sesi tersebut, pencerahan berhubung keahlian MBJ (Pihak Pekerja), agenda mesyuarat MBJ dan lain-lain telah disampaikan oleh pihak JPA. Alhamdulillah, melalui hasil kerjasama semua pihak sesi tersebut telah dapat dilaksanakan dengan lancar.



## Bengkel Perancangan Strategik Pejabat Pendaftar

**28 hingga 29 Januari 2020** - Perancangan Strategik Pejabat Pendaftar 2020-2025 merupakan panduan dan rujukan mengenai perancangan sumber manusia dan tadbir urus universiti yang diselaraskan dengan matlamat dan hala tuju strategik UiTM. Objektif utama Perancangan Strategik Pejabat Pendaftar 2020-2025:

- Perkongsian mengenai hala tuju Pelan Strategik UiTM 2025 - *Unleashing Potentials, Shaping The Future*
- Analisa pencapaian Perancangan Strategik Sumber Manusia 2016-2020 (Sehingga Dis 2019)
- Mengenalpasti isu dan cabaran baharu pengurusan sumber manusia dan tadbir urus melalui analisis PESTEL dan SWOT
- Mengenalpasti dan merangka inisiatif baharu selaras dengan matlamat Pelan Strategik UiTM 2025 - *Unleashing Potentials, Shaping The Future*



# KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PEJABAT PENDAFTAR

**Dewan Al Ghazali Bahagian Kemajuan Kerjaya, 31 Januari 2020** - Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) sebelumnya dikenali sebagai Kumpulan Mutu Kerja (KMK). KMK telah diamalkan di UiTM sejak 1986 untuk menyelesaikan masalah kerja dan menambahbaik sistem kerja jabatan serta memberi peluang kepada warga kerja untuk menggilap kebolehan dan potensi diri. Bermula pada tahun 2006, KMK telah ditukar kepada KIK sebagai salah satu mekanisme pengurusan KAIZEN di UiTM. Pejabat Pendaftar turut tidak ketinggalan dalam mendokong aspirasi pengurusan KAIZEN. Seramai 157 staf Pejabat Pendaftar telah menyertai bengkel KIK yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan memberi panduan mengenai kaedah terkini pelaksanaan KIK di peringkat UiTM. Ia juga bertujuan untuk menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* dalam pelaksanaan tugas kerja bagi membolehkan Pejabat Pendaftar menghasilkan inovasi yang dapat memberi nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan. Bengkel ini juga merupakan inisiatif awal untuk menggerakkan semula pelaksanaan KIK di peringkat Pejabat Pendaftar.



# Program **VO@BPD**



**Dewan Al Ghazali Bahagian Kemajuan Kerjaya, 3 Februari 2020** -Pejabat Pendaftar merakamkan ucapan penghargaan dan amat berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor UiTM. Menerusi sesi tersebut, pelbagai maklumat dan input penting telah dikongsikan kepada warga Pejabat Pendaftar dalam memandu pelaksanaan strategik dan operasi jabatan. Platform libat sama (*Engagement*) sebegini merupakan sesuatu yang dinantikan dan diharapkan oleh warga Pajabat Pendaftar agar sistem penyampaian perkhidmatan seiring dengan matlamat strategik universiti serta memenuhi ekspektasi pihak Pengurusan UiTM.



## BENKEL PENYELARASAN *KEY PERFORMANCE INDICATORS*, *STAFF ESI INDEX* DAN *HIGH PERFORMANCE STAFF* DI BAWAH PENGARAH PENERAJU PENDAFTAR

ILD bandar Enstek, 18 hingga 19 Februari 2020 - Bengkel tersebut telah diadakan bagi memperincikan *Key Performance Indicators* (KPI) di bawah Pengarah Peneraju Pendaftar khususnya berkaitan *Staff ESI Index* dan *High Performance Staff* untuk tujuan pelaksanaan di peringkat UiTM. Kolaborasi dan pengembelingan idea di kalangan 48 orang pegawai merupakan mekanisme utama bengkel bagi menjana input secara holistik dan memastikan keberhasilan strategi pelaksanaan.



## SESI PERKONGSIAN DI BENKEL TASKFORCE GOVERNAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

Royal Widad Residence, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur 21 hingga 22 Februari 2020 - Puan Noriah Mohamed Ali, Ketua Timbalan Pendaftar, Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti telah membuat perkongsian mengenai amalan terbaik dalam tadbir urus kepada Universiti Awam (UA). Bengkel ini dihadiri oleh UA berikut:

- Universiti Malaya
- Universiti Sains Malaysia
- Universiti Kebangsaan Malaysia
- Universiti Teknologi Malaysia
- Universiti Utara Malaysia
- Universiti Teknologi MARA
- Universiti Malaysia Sabah
- Universiti Malaysia Sarawak
- Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Universiti Malaysia Pahang
- Universiti Tun Hussein Onn
- Universiti Malaysia Terengganu
- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- Hospital Universiti Sains Malaysia



# BENGGEL STRATEGI VIA SINERGI@BPD TAHUN 2020 : UiTM 2025

● REC



*Unleashing Potentials, Shaping the Future*

**De Palma Resort Kuala Selangor, 28 hingga 29 Februari 2020** - Pejabat Pendaftar telah mengenalpasti sasaran dan inisiatif tahun 2020 bagi tadbir urus universiti dan pengurusan sumber manusia menerusi beberapa siri bengkel yang telah diadakan sebelum ini. Bagi memastikan sasaran dan inisiatif tahun 2020 dicapai, Pejabat Pendaftar telah untuk mengadakan perkongsian dan mendapatkan input dari semua staf bagi memastikan strategi dan pelan tindakan dapat direalisasikan serta selaras dengan hala tuju UiTM 2025 (*unleashing Potentials, Shaping the Future*). Bengkel ini melibatkan semua staf Pejabat Pendaftar yang terdiri daripada gred N11/H11 hingga gred VU6 yang bertujuan untuk mengembeling idea secara holistik serta mewujudkan sinergi dalam menghasilkan *output* dan *outcome* yang bertepatan dengan matlamat strategik universiti. Selain itu, ianya bertujuan untuk memastikan pelaksanaan operasi dan cara kerja diselaraskan mengikut keperluan dan matlamat strategik univeristiti. Aktiviti libatsama seperti *Jom Bersih!* dan *Remontarse@BPD* turut diadakan bagi meningkatkan semangat kerjasama serta melonjak Indeks Kegembiraan di kalangan warga Pejabat Pendaftar.





**Program Jom Bersih!**  
**Aktiviti pembersihan**  
**di kawasan Pantai**  
**Remis telah berjaya**  
**dilaksanakan dengan**  
**hasil kerjasama dan**  
**sokongan daripada**  
**Majlis Daerah**  
**Kuala Selangor.**



## MESYUARAT JAWATANKUASA SUMBER MANUSIA UNIVERSITI AWAM (JKSMUA) Bil. 1 TAHUN 2020

Universiti Teknologi Malaysia, Johor  
2 Mac 2020 - Sesi pembentangan status tindakan oleh Taskforce dan perkongsian amalan terbaik oleh Universiti Awam (UA) telah diadakan bagi memperkasa Pengurusan Sumber Manusia UA.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING UNIVERSITI-UNIVERSITI AWAM MALAYSIA (JKPPSIKUA ) BIL.1 TAHUN 2020

Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5  
Perpustakaan Tunku Tun Aminah,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
(UTHM), 5 Mac 2020 - Mesyuarat telah dihadiri oleh 24 orang pegawai yang terdiri daripada Pendaftar UTHM, Pendaftar UiTM, Pengarah Pusat Kaunseling UTHM dan Pegawai Psikologi Staf dari Universiti-Universiti Awam Malaysia.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENDAFTAR-PENDAFTAR UNIVERSITI AWAM BIL. 1 TAHUN 2020

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 16 Mac 2020 - Mesyuarat tersebut merupakan platform utama bagi Pendaftar Universiti Awam (UA) dalam membincangkan hal-hal berkaitan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Tadbir Urus dan Hal Ehwal Pentadbiran UA.



## BENKEL KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PEJABAT PENDAFTAR

**Dewan Al Ghazali Bahagian Kemajuan Kerjaya, 10 Mac 2020** - Bengkel tersebut merupakan kesinambungan daripada Kursus KIK yang telah diadakan pada 31 Januari 2020. Sebanyak tujuh pasukan yang terdiri daripada tujuh bahagian di Pejabat Pendaftar telah dibentuk. Melalui bengkel tersebut, identiti kumpulan, isu-isu dan projek-projek yang berpotensi telah berjaya dikenalpasti.



## Kursus Literasi ICT@BPD Siri 1

**13 Mac 2020** - Selaras dengan perkembangan pesat teknologi masa kini, Dasar Latihan UiTM telah menetapkan bahawa seorang staf perlu memenuhi 12 jam latihan ICT setahun. Walau bagaimanapun, hasil analisa jurang kompetensi mengikut kategori latihan bagi tahun 2019 menunjukkan sebanyak 42% staf Pejabat Pendaftar tidak menghadiri kursus ICT mengikut jumlah jam yang ditetapkan. Penganjuran program ini amat signifikan dalam memastikan staf Pejabat Pendaftar berupaya mencapai jumlah jam yang ditetapkan serta dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ICT yang seterusnya berupaya menambah baik pelaksanaan operasi di jabatan agar lebih efektif dan efisien.



# Inisiatif Pengurusan Sumber Manusia Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Sehingga 31 Mac 2020)

- Penggunaan eGL HRMIS Untuk Tujuan Rawatan dan Kemasukan Ke Hospital Kerajaan
- Panduan dan Infografik Bekerja Dari Rumah (BDR) Bagi Staf Universiti Teknologi MARA Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- Soalan Lazim (FAQ's) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- Panduan Lapori Diri Staf Baharu Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- Pelanjutan Tempoh Permohonan Membawa Ke Hadapan Baki Cuti Rehat & Pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) Tahun 2019 Ke Tahun 2020 - Pekeliling Pendaftar Bilangan 08 Tahun 2020

**Pejabat Pendaftar**

### Borang Pengisytiharan Staf Pejabat Pendaftar

Kepada semua warga BPD, sila isytiharkan status kesihatan dan lokasi anda bagi memudahkan urusan pemantau staf. Borang ini hendaklah diisi setiap hari sepanjang tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan.

Your email address ( @uilm.edu.my) will be recorded when you submit this form.  
Not you? [Switch account](#)

\* Required

Jabatan/Bahagian \*

Choose

Nombor Pekerja \*

Your answer

Next

Page 1 of 2

Borang Pengisytiharan Kesihatan dan Lokasi Keberadaan Staf Pejabat Pendaftar dalam Tempoh PKP

## PANDUAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

BAGI STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DALAM TEMP OH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

### BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

Bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain terutama bagi perkhidmatan penting

Sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat/bekerja yang ditetapkan oleh kerajaan

Memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja

Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang gagal mematuhi ketetapan ini

Surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (2), 17 Mac 2020

### PELAKSANAAN BDR

- Ketua/ Penyelia memastikan staf melaksanakan tugas dengan arahan yang jelas
- Menyesuaikan keadaan persekitaran staf dengan menggunakan teknologi atau cara kerja bersesuaian
- Mesyuarat secara maya hendaklah mempunyai minit mesyuarat. Penyediaan minit boleh dirujuk di Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat UiTM
- Akses VPN bagi tujuan akses sistem intranet bagi staf yang memerlukan
- Pinjaman peralatan keperluan staf dan dokumen yang BUKAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI RAHSIA

### BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

### KAEDAH KOMUNIKASI

Media sosial lain

Telegram

Whatsapp

e-mel

### PERSEDIAAN STAF

- 1 Penyediaan ruang kerja
- 2 Peralatan kerja
- 3 Suasana kerja di rumah yang kondusif
- 4 Masa rehat yang bersesuaian

### PEMANTAUAN

Sedia mekanisme penentuan keberadaan staf

Berkomunikasi dengan Ketua/ Penyelia dan rakan-rakan melalui telefon, e-mel dan media sosial lain, bagi mendapatkan bantuan, nasihat dan sebagainya

Pemantauan hasil kerja harian staf

Melengkapkan data dalam MyATP atau MyPortfolio

Latihan dan bahan latihan dalam talian

- 1 Kursus dalam talian oleh ILD
- 2 <https://www.epsa.gov.my/>
- 3 <https://learning4life.usm.my>
- 4 Kelas kemahiran komputer secara maya

Penyelidikan, penulisan dan mengemaskini data perbitan dalam PRISMA

Menyedia inisiatif kualiti dan perancangan strategik

Membaca pekeliling atau peraturan, buku atau artikel berkaitan tugas, menyediakan manual/ proses kerja

Penyesuaian aktiviti staf dengan kemudahan yang ada:

Berinovasi dan kreatif (tingkatkan kemahiran tugas)

Bekerja Dari Rumah ini menuntut disiplin diri dan integriti di kalangan semua warga UiTM. Pemantauan sebenar oleh Allah SWT. Semoga usaha kita mendapat keberkatan dariNya.

**#stayathome**

PEJABAT PENDAFTAR  
30 MAC 2020

# TAHNIAH

## WARGA PEJABAT PENDAFTAR



### Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (Jan – Mac 2020)

- Puan Shadalilla Mohamad Yusof (Kerani Kanan)
- Puan. Nor Asliza Ismail (Kerani Kanan)

### Kenaikan Pangkat Hakiki (Jan – Mac 2020)

- Encik Azanizam Ismail (Timbalan Pendaftar)
- Puan Aminah Aman (Timbalan Pendaftar)
- Puan Rohana Ismail (Setiausaha Pejabat Tertinggi)
- Encik Ismam Parlan (Ketua Kerani)

### Pertukaran Jawatan Ke Gred Lebih Tinggi (Jan – Mac 2020)

- Puan Nor Aishah Mat Som (Pegawai Eksekutif)

### PENERIMA BIASISWA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI SESI PENGAJIAN TAHUN 2020

#### Encik Che Wan Kamarul Hishysam bin Che Wan Ahmad

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Pengurusan Perkhidmatan  
Bidang Ditawarkan: Psikologi

#### Puan Nor Hafizah Ibrahim

Timbalan Pendaftar  
Bahagian Governance dan Sekretariat Universiti  
Bidang Ditawarkan: Tadbir Urus

#### Cik Syarifah Nurfuaduz Zakiah Habib Dzulkarnain

Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Pembangunan Organisasi  
Bidang Ditawarkan: Decision Science



# SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN KELAHIRAN

## WARGA PEJABAT PENDAFTAR (JAN – MAC 2020)

CHE WAN KAMARUL HISHYSAM BIN CHE WAN AHMAD

ASIAH BINTI SAPRAN

FARAFADDIA BINTI ABU HANIPAH

NURSYAHIDA BINTI MOHAMMAD JUBRI

HASFIZAH BINTI MOHD TERIDI

UMEY ZAITON BINTI MOHD ARSHAD

HARLIZA BINTI BAHARUDDIN

ROHAILE BINTI RIDUAN

SUZILLAH BINTI MOHD SAFHIT

ZAHRIAH BINTI TASPIRIN

NORLIAH BT SABA

ROHANA BT HJ ISMAIL

MURNIYATI BT MOHD SALLEH

UMI KHALSOM BINTI OTHMAN

TEH NURUL SHAHIDA BINTI SHAHPERI

AZHARI BIN HAJI HAMIDI

MUHAMAD FARID BIN IBRAHIM

NOR AZME BIN SHAMSUDDIN

NORIAH BINTI MOHAMED ALI

FAIRUZASZILA BINTI JUNUS

NOORASMAWATI BINTI AMSARI

NOR AZLINA BINTI ISMAIL

MOHD ARSYAM BIN JAFAR

ABD RAHMAN BIN HAMBALI

FARADIBA BINTI BASIRON

MOHD NAHAR BIN MOHAMAD SANUSI

NORHAFIDA BINTI HASAN

SHADALILA BINTI MOHAMAD YUSOF

CHE ROSLELA BINTI CHE SULAIMAN

NUR RAHIMIE FAHMI BIN NOOR ADZMAN

